

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang Akademik 1995/96

Mei/Jun 1996

JMK 311 - PUISI MELAYU DAN INDONESIA MODEN

Masa: [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.
2. Jawab **EMPAT** soalan.

...2/-

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

1. Sajak *Pengemis* (Lampiran 1) oleh T. Alias Taib mengemukakan persoalan hidup biasa, tetapi penyairnya tidak menyampaikannya secara langsung. Bincangkan sajak ini dari aspek bahasa secara umum, dan diksi serta kesan kepada pembaca secara khusus.
(25 markah)
2. Penyusunan baris-baris di dalam sajak dapat membawakan kesan pernyataan fikiran dan perasaan tertentu. Bincangkan nada dan kesan persamaan yang terdapat pada sajak *Ranjang Dan Medan Perang* (Lampiran 2) oleh Baha Zain.
(25 markah)
3. Bincangkan gambaran dan idea yang tersirat yang dipaparkan oleh Latif Mohidin dalam sajaknya *Sungai Mekong* (Lampiran 3).
(25 markah)
4. Bincangkan sajak *Dongeng Buat Bayi Zus Pandu* (Lampiran 4) oleh Asrul Sani dari sudut perlambangan yang digunakan.
(25 markah)
5. Bincangkan sajak *Di Masjid* (Lampiran 5) oleh Chairil Anwar secara kritis.
(25 markah)
6. Berikan catatan ringkas mengenai perkembangan puisi Indonesia di zaman-zaman berikut:-
 - a) Balai Pustaka
 - b) Pujangga Baru
 - c) Angkatan 45
 - d) Angkatan 66
(25 markah)

LAMPIRAN 1

Pengemis

dari tubuhnya
merangkak kehidupan
bagai seekor siput
mencari sehelai daun

dari peluhnya
terpercik harapan
bagai sekelopak bunga
menanti fajar pagi

dari keluhnya
terkumpul debaran
bagai gemuruh jeram
mengisi kabut hutan.

T. Alias Taib.

LAMPIRAN 2

Ranjang dan Medan Perang

Atas ranjang sempit ini
ketika malam mengunci diri
kekasih bermain cinta
sejurus mengeluh
terlalai dan kesal

antara hutan tebal
sewaktu malam menyebarkan pekat
askar-askar tertembak
seketika mengaduh
tergeletak dan senyap

ranjang dan medan perang
tak terduga
puas dan terseksa.

Baha Zain

LAMPIRAN 3

Sungai Mekong

Sungai Mekong
kupilih namamu
kerana aku begitu sepi
kau kubenamkan dadaku
ke dasarmu
kaki kananku ke bulan
kaki kiriku ke matari
kau kuhanyutkan hati
ke kalimu
namaku ke muara
suaraku ke gunung

II

Sungai Mekong
nafasmu begitu tenang
lenganmu begitu lapang
di tebingmu
ada ibu bersuara sayu
mencari suara putera yang hilang
waktu ia merebahkan wajahnya
ke wajahmu
kau masih bisa senyum tenang.

III

Sungai Mekong
akhirilah terisiang riakmu!
kulihat di dasarmu
kuntum-kuntum berdarah
batu-batu luka
malam ini,
ribut dari utara akan tiba
tebingmu akan pecah
dan arusmu akan lebih keras
dari Niagara.

Dongeng Buat Bayi Zus-Padu

Sintawati datang dari Timur,
Sintawati menyusur pantai.
Ia cium gelombang melambung tinggi
Ia hiasi dada dengan lumut muda,
Ia bernyanyi atas karang sore dan pagi,
Sintawati telah datang dengan suka sendiri.

Sintawati telah lepaskan ikatan duka,
Sintawati telah belai nakhoda tua,
Telah cumbu petualang berair mata
Telah hiburan perempuan-perempuan bernantian di pantai senja

Jika turun hujan terlahir di laut
Berkapalan elang pulang ke benua
Sintawati telah tunggu dengan warna biang-lala,
Telah bawa bunga, telah bawa dupa.

Sintawati mengambang di telaga gunung,
Dan panggil orang utas yang beryakinkan kelabu.
Telah menakik haruman pada batang tua,
Telah dendangkan syair dari gadis remaja.

Sintawati telah menyapu debu dalam kota,
Telah mendirikan menara di candi-candi tua,
Sintawati telah bawa terbang cuaca,
Kerana Sintawati sentiasa bercinta.

Sintawati datang dari Timur,
Sintawati telah datang
. datang,
Sinta
datang !

LAMPIRAN 5

DIMESDJID

Kuseru sadja Dia
Sehingga datang djuga

Kamipun bermuka-muka.

Seterusnya Ia bernjala-njala dalam dada.
Segala daja memadamkannja

Bersimpah peluh diri jang tak bisa diperkuda

Ini ruang
Gelanggang kami berperang

Binasa-membinasa
Satu menista lain gila.

29 Mei 1943

ooOoo

1911

1912

The first of the year was a very
 successful one. The weather was
 very good and the crops were
 all well. The people were
 very happy and the business
 was very good. The year was
 a very successful one. The
 weather was very good and the
 crops were all well. The
 people were very happy and
 the business was very good.

The second of the year was a
 very successful one. The weather
 was very good and the crops
 were all well. The people
 were very happy and the
 business was very good. The
 year was a very successful
 one. The weather was very
 good and the crops were all
 well. The people were very
 happy and the business was
 very good.